




DENNIS MUHAMMAD ABDULLAH dan Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah berjalan sebagai suami isteri selepas sah akad nikah.



DENNIS MUHAMMAD ABDULLAH merafak sembah dan mencium tangan Sultan Ibrahim Sultan Iskandar sempena istiadat akad nikah di Istana Bukit Serene, Johor Bahru, semalam. - IHSAN PEJABAT MEDIA DIRAJA (RPO)/ FACEBOOK JOHOR SOUTHERN TIGERS



ORANG ramai berpeluang melihat istiadat persandingan Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Suftan Ibrahim dengan Dennis Muhammad Abdullah menerusi layar besar di Dataran Bandaraya Johor Bahru, malam tadi. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Hanya dengan sekali lafaz dalam istiadat akad nikah di Istana Bukit Serene

Tun Aminah, Dennis selamat diijab kabul

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK**
pengarang@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU 14 OGOS**

HANYA dengan sekali lafaz, Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah Sultan Ibrahim, 31, sah bergelar isteri kepada Dennis Muhammad Abdullah, 28, dalam istiadat akad nikah di Istana Bukit Serene di sini hari ini.

Pernikahan puteri tunggal Sultan Johor itu berlangsung dalam suasana penuh adat istiadat serta budaya diraja Johor dengan pengantin memakai baju kurung

dan baju Melayu teluk belanga yang menjadi kebanggaan serta identiti negeri ini.

Pasangan itu dinikahkan oleh Mufti Negeri Johor, Datuk Mohd. Tahrir Samsudin yang mendapat perkenan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar untuk menjadi wakil rasmi baginda.

Pejabat Media Diraja (RPO) dalam satu kenyataan di sini memberitahu, keluarga pengantin perempuan yang diwakili Yang Dipertua Majlis Jumaah Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli menyerahkan sembilan dulang hantaran berbalas tujuh dulang daripada pengantin lelaki

yang diwakili bekas Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Ismail Karim.

"Hadiah yang disampaikan keluarga diraja Johor kepada pengantin lelaki merangkumi cincin emas, al-Quran, sejadah, persalinan baju Melayu teluk belanga dan sampung, sirih junjung, kek, bunga rampai dan halwa maskat.

"Istiadat pernikahan dilakukan selepas istiadat pertunangan dan majlis hantaran itu disaksikan oleh Sultan Ibrahim dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah serta ahli keluarga dan rakan terdekat," kata RPO.

Turut berangkat, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isteri, Che Puan Khaleeda Bustamam; Tunku Temenggong, Tunku Idris Iskandar; Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Al-Haj dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar.

Yang turut hadir, ibu bapa pengantin lelaki, Martin dan Henriette Verbaas selain ahli keluarga serta rakan terdekat dari Belanda.

Pengantin lelaki kemudian menyarung cincin perkahwinan di jari manis tangan kanan Tunku Tun Aminah Maimunah Iskandariah

serta memberikannya mas kahwin sebanyak RM22.50.

Pasangan diraja yang kelihatan anggun dan tampan mengenakan busana tradisional Johor, baju kurung teluk belanga serta baju Melayu teluk belanga berwarna serba putih itu kemudian mengucup tangan ibu bapa masing-masing dan ahli keluarga yang lain.

Dennis Muhammad mengenakan songkok dengan dua kerongsang yang pernah digunakan Almarhum Sultan Iskandar pada hari perkahwinan baginda dan perhiasan itu diberikan oleh bonda baginda, Sultanah 'Aminah Ungku Ahmad.



Istiadat pernikahan dilakukan selepas istiadat pertunangan dan majlis hantaran itu disaksikan oleh Sultan Ibrahim dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah serta ahli keluarga dan rakan terdekat."

KENYATAAN RPO